

Pengecualian faedah pinjaman untuk B50

UM - 14/10/2021 m/s: 3

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan memperkenalkan program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) yang menawarkan pengecualian faedah untuk tiga bulan dan pengurangan bayaran ansuran untuk tempoh sehingga 24 bulan termasuk pengurangan kadar faedah bagi Kumpulan B50.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, program berkenaan dilaksanakan sektor perbankan dalam masa terdekat yang turut merangkumi peminjam dalam kategori isi rumah B40, iaitu mereka berpendapatan kasar kurang dari RM5,880 sebulan.

“Dalam tempoh ini, pelanggan dengan pinjaman atau pembiayaan dan kad kredit peribadi tanpa jaminan juga boleh mendapat manfaat daripada kadar faedah yang di-



ISMAIL SABRI YAAKOB

kurangkan bagi membantu meringankan beban kewangan mereka.

“Program URUS ini dirangka sektor perbankan bersama Bank Negara Malaysia (BNM) dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Butiran selanjutnya mengenai program ini akan diperincikan Kementerian Kewangan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Kata beliau, kerajaan ber-

harap dengan pendekatan *whole-of-nation* dan penyatuan usaha seluruh rakyat Malaysia mampu merealisasikan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara makmur, inklusif dan m

Sementara itu ketika melancarkan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (OSH-MP-25) Ismail Sabri berkata, negara boleh mengalami kerugian empat peratus daripada perolehan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) setahun akibat pengabaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP).

Ismail Sabri berkata, komitmen semua pihak termasuk kerajaan, majikan dan pekerja sangat diharapkan bagi memastikan misi memartabatkan KKP di negara ini terlaksana dengan jayanya.

“Apa yang lebih diutamakan kerajaan ialah untuk mengelakkan kehilangan nyawa ahli Keluarga Malaysia.

“Setiap daripada kita perlu melaksanakan tanggungjawab dan peranan masing-masing bagi memastikan kejayaan Pelan Induk ini, selaras dengan tema OSH-MP-25: KKP Inklusif-Kebersamaan dan Komitmen,” katanya.

OSH-MP-25 menggariskan tujuh teras strategik yang menjadi pemacu kepada pembentukan Budaya Kerja Selamat dan Sihat dalam meningkatkan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia.

Katanya, tujuh teras itu bertujuan menerapkan nilai inklusif menggalakkan penyertaan semua pihak, bertepatan dengan transformasi KKP.

Katanya, ia menyentuh pelaksanaan KKP di sektor awam, pengukuhan amalan peraturan sendiri di tempat kerja, penggalakan pendidikan dan penyelidikan KKP; pelaksanaan kesihatan pekerjaan dan peningkatan pematuhan KKP di sektor perusahan kecil dan sederhana (PKS).